

Pengarah Pusat Islam UUM, Prof Madya Dr Ismail Ishak menyampaikan sumbangan wang dan barang-barang keperluan seperti susu, milo, beras, gula dan lain-lain lagi kepada Othman yang ditemani isterinya Rohana Othman.

Dr Ismail yang ditemui berkata, sumbangan ini adalah sebagai sokongan moral kepada Othman dan isterinya untuk meneruskan kehidupan harian mereka.

Katanya ia selari dengan pembangunan holistik yang diketengahkan oleh pihaknya dalam konsep 6K iaitu Keagamaan, Keilmuan, Kekeluargaan, Kemasyarakatan, Kebudayaan dan Kesihatan.

“Ziarah dan sumbangan yang disampaikan hari ini walaupun dilihat sebagai kemasyarakatan namun ianya berhubung kait dengan 6K itu,” ujarinya lagi.

Dr Ismail melahirkan rasa simpati dengan penyakit yang dialami oleh Othman dan berharap isterinya tabah dengan ujian ini.

Rohana isteri kepada Othman ketika ditemui pula melahirkan rasa terharu dengan sokongan moral yang ditunjukkan oleh pihak Pusat Islam UUM ini.

Katanya sudah hampir tujuh bulan beliau tidak menjalankan perniagaan menjual pelbagai jenis makanan di pinggir Jalan Raja Syed Safi, Kangar, Perlis kerana terpaksa menjaga suaminya yang menghidap kanser usus.

Ketika ditemubual Rohana berkata, suaminya itu pada mulanya hanya menghidap gastrik tetapi tidak menyangka sama sekali bahawa penyakit tersebut merebak hingga menjadi kanser.

Atas nasihat doktor Othman telah menjalani pembedahan sebelum penyakit itu merebak dengan lebih teruk sebanyak tiga kali.

Sebagai seorang isteri beliau tetap tabah menjaga suami walaupun beliau sendiri menghidap penyakit jantung.

“Siapa yang akan membersihkan tiub plastik sisa kumuhan di bahagian perut suami saya sekiranya saya mengusahakan perniagaan,” kata Rohana lagi.

Katanya, jika dibiarkan penuh ia akan menyebabkan sisa itu meleleh dan menyebabkan rasa pedih pada luka tebusan tersebut.

Namun dalam keadaan kesakitan itu Othman kadangkala berusaha sendiri untuk membersihkan luka yang dialaminya dengan menggunakan kapas.

Othman tidak digalakkan oleh Doktor untuk mengambil makanan pepejal dan hanya bergantung kepada susu khas yang berharga RM68 setin seberat 430 gram untuk keperluan sehari sahaja.